


Universiti Malaysia Perlis
~ilmu~keikhlasan~kecemerlangan~





Perkara IX:
**PEMBANGUNAN
KAMPUS**

Pembangunan Kampus Tetap

Dalam RMKe-9, UniMAP telah merancang untuk melaksanakan 16 projek dengan siling peruntukan sebanyak RM349 Juta. Sebanyak 16 projek dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan (DE) sementara sebanyak 1 projek dilaksanakan di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) iaitu pembinaan asrama untuk 1000 pelajar. Pecahan projek mengikut kategori fizikal dan bukan fizikal adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1 : Pecahan Projek Mengikut Projek Fizikal dan Projek Bukan Fizikal

Projek Fizikal



DE : 13 Projek RM 275 juta

PFI : 1 Projek RM 32 juta



DE : 3 Projek RM 74 juta

PFI : 0 Projek



17 Projek RM 381 juta

Daripada 17 projek yang dilaksanakan itu, 14 projek merupakan projek fizikal dan 3 projek bukan fizikal.

Prestasi Perlaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana

Pada keseluruhannya, projek-projek pembangunan RMKe-9 dilaksanakan oleh 2 agensi iaitu UniMAP sendiri melalui Unit Pengurusan Projek, Jabatan Pembangunan dan Cawangan Pengajian Tinggi (CPT), Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pecahan pelaksanaan projek mengikut agensi pelaksana adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2 : Pecahan Perlaksanaan Projek Mengikut Agensi Pelaksana

Agensi Pelaksana	Bil. Projek	% Mengikut Projek	Nilai (RM/juta)
JABATAN PEMBANGUNAN UniMAP	14	82	429
JKR	3	18	52



Prestasi Fizikal Projek RMKe-9

Secara keseluruhannya, UniMAP melaksanakan 17 projek dimana 4 projek telah berjaya disiapkan, 6 projek dalam peringkat pembinaan, 1 projek dalam peringkat tender. Sebanyak 6 projek telah ditangguhkan dan akan dibawa ke dalam RMKe-10 disebabkan kekangan peruntukan kewangan.

Prestasi pelaksanaan projek-projek RMKe-9 yang diuruskan Jabatan Pembangunan pada keseluruhannya adalah memberangsangkan dan Jabatan Pembangunan sentiasa memantau bagi memastikan projek-projek dalam pembinaan siap mengikut jadual. Maklumat terperinci prestasi pelaksanaan projek-projek RMKe-9 adalah seperti Jadual 3.

Jadual 3 : Prestasi Keseluruhan Projek-Projek Pembangunan RMKe-9 (Fizikal dan Bukan Fizikal)

Bil. Status Perlaksanaan	Bil. Projek	Peratus (%)
1. Siap	4	23.5
2. Bina / Dalam Perlaksanaan	6	35
3. Tender / Runding Harga	1	6.5
4. Rekabentuk	0	0
5. Tangguh	6	35
Jumlah	17	100


Prestasi Kewangan Projek RMKe-9

UniMAP menerima peruntukan awal RMKe-9 sebanyak RM339 juta dan mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM10 juta semasa kajian separuh penggal RMKe-9 bagi melaksanakan kerja-kerja pemasangan paip air secara terus dari loji air JKR. Sehingga Disember 2009, sebanyak RM 194 juta telah dibelanja daripada RM349


juta yang diperuntukkan. Baki yang belum dibelanja ialah sebanyak RM 155 juta.

Prestasi perbelanjaan tahunan RMKe-9 (DE) adalah seperti Jadual 4 dan Graf 1 dibawah :-

Jadual 4 : Prestasi Perbelanjaan Tahunan RMKe-9 (DE)




Graf 1 : Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan RMKe-9 (DE)



Universiti Malaysia Perlis
~ilmu~keikhlasan~kecemerlangan~
PEMBANGUNAN KAMPUS

Prestasi perbelanjaan bulanan pada tahun 2009 ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah:-



Jadual 5 : Prestasi Perbelanjaan Tahun 2009 (DE)

Prestasi Pembangunan Tahun 2009

Semua projek-projek pembangunan RMKe-9 berjaya dilancar pada tahun 2009. Projek Pakej 2 yang bermula pada Februari 2007 telah siap sepenuhnya pada Ogos 2009. Projek ini yang terdiri daripada PPK Mekatronik dan PPK Pembuatan telah menerima kemasukan pelajar buat julung kali di Kampus Tetap Ulu Pauh pada 28 Disember 2009 setelah mula beroperasi pada 2 November 2009 yang lalu.



Gambar 2 : PPK Mekatronik



Gambar 1 : PPK Pembuatan



Projek Pakej 4 pula terdiri daripada bangunan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan mula dilancar pada Februari 2009. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 136 juta ini akan dibangunkan mengikut fasa di mana fasa 1 melibatkan sebahagian bangunan PPK Mikroelektronik dan Pusat Kejuruteraan. Fasa 2 pula akan dibangunkan di dalam RMKe-10. Projek ini di urus selia oleh Cawangan Pengajian Tinggi, Jabatan Kerja Raya (JKR) yang bertindak selaku PMC.

Sehingga Disember 2009, Projek Pakej 4 telah pun siap 40% dan sebanyak RM 17 juta telah dibelanjakan.



Gambar 3 : Ilustrasi PPK Mikroelektronik



Gambar 4 : PPK Mikroelektronik (40% siap Fasa 1)

Projek Pakej 3B terdiri daripada bangunan Perpustakaan, Kompleks Dewan Kuliah dan Kompleks Sukan. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 92 juta ini mula dilancar pada September 2009 dan dijangka siap pada Mac 2011. Sehingga Disember 2009, hanya kerja-kerja cerucuk dijalankan di tapak dengan kemajuan kerja sebanyak 5%.



Gambar 5 : Ilustrasi Bangunan Perpustakaan



Gambar 6 : Kerja-Kerja Cerucuk Di Bangunan Perpustakaan



Gambar 7 : Ilustrasi Kompleks Sukan



Gambar 8 : Ilustrasi Kompleks Dewan Kuliah

Dalam pada itu, UniMAP turut memperolehi peruntukan inisiatif pembiayaan swasta (PFI) sebanyak RM 32 juta melalui Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Melalui pembiayaan ini, Kolej Kediaman yang menempatkan 1000 pelajar akan dibangunkan di Zon Selatan Kampus Tetap Ulu Pauh. Proses pelantikan perunding dan peringkat tender telah diselesaikan dalam tahun 2009. Pembinaan Kolej Kediaman ini akan bermula menjelang 2010 dan dijangka siap pada penghujung 2011.




Gambar 9 : Ilustrasi Kolej Kediaman

Selain daripada itu, Jabatan Pembangunan juga membangunkan bangunan sokongan seperti Student Center bagi memenuhi keperluan para pelajar yang memulakan sesi pengajian di PPK Pembuatan dan PPK Mekatronik. Projek yang menelan belanja sebanyak RM 2 juta ini terdiri daripada ruang rehat pelajar dengan kapasiti 300 orang dan turut menempatkan surau dan juga kafetaria. Projek ini telah 50% siap dan dijangka mula

Dalam masa sama, sebuah Pintu Gerbang turut dibina di jalan masuk utama bagi mengindahkan lagi prasarana Kampus Tetap dan juga menempatkan pos pengawal bagi mengawal laluan keluar/masuk ke kampus. Pintu Gerbang ini dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2010.

Secara keseluruhan, segala projek-projek yang dirancang pada tahun 2009 berjaya dilaksanakan dengan jaya selaras dengan perancangan Universiti.





Pembangunan Kampus Teragin Universiti Malaysia Perlis

